



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

GUNA SEGALA PERUNTUKAN PERUNDANGAN UNTUK DAKWA PELAKU VANDALISM PAGAR LEBUH RAYA

- KKR Gesa Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Berkaitan Giatkan Operasi serta Pemantauan

Kementerian Kerja Raya (KKR) amat memandang serius insiden kemalangan yang melibatkan beberapa buah kenderaan di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) yang dilaporkan berpunca daripada perbuatan vandalism pagar lebuhraya berkenaan, sehingga haiwan ternakan memasuki lebuhraya terbabit.

Berikutan itu, syarikat-syarikat konsesi telah diminta untuk menggunakan segala peruntukan undang-undang yang sewajarnya untuk mendakwa individu atau pihak yang terlibat di dalam vandalism pagar lebuhraya. KKR beranggapan bahawa vandalisme pagar lebuhraya adalah satu perbuatan yang menyumbang kepada kecederaan atau kehilangan nyawa pengguna lebuhraya.

Perbuatan memotong, meroboh atau mencuri pagar lebuhraya yang disediakan untuk keselamatan pengguna lebuhraya adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab yang boleh memberi kesan amat buruk kepada pemandu di lebuhraya. Pagar yang telah dirosakkan boleh menjadi laluan mudah untuk haiwan-haiwan ternakan untuk memasuki dan berkeliaran di lebuhraya dan seterusnya mengancam keselamatan pemandu dan penumpang kenderaan.

Pihak Kementerian sama sekali tidak akan berkompromi terhadap aspek keselamatan yang melibatkan infrastruktur lebuhraya di negara ini di mana insiden haiwan ternakan

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/KementerianKerjaRaya) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kkr.gov.my

memasuki lebuhraya telah lama berlarutan dan kerap kali berlaku sehingga menyebabkan kecederaan parah dan kehilangan nyawa pengguna lebuhraya.

Merujuk kepada insiden yang berlaku baru-baru ini di LPT2, pihak KKR serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengadakan siasatan serta-merta dan mendapati ia berpunca daripada tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab merosakkan pagar lebuhraya terbabit dan seterusnya menjadi laluan mudah untuk haiwan ternakan untuk memasuki kawasan lebuhraya.

Hasil siasatan juga mendapati pihak LPT2 Sdn Bhd telah mengambil langkah-langkah yang munasabah, proaktif dan konsisten untuk mengatasi masalah vandalism terhadap pagar lebuhraya sejak syarikat tersebut mengambil-alih operasi LPT2 beberapa tahun dahulu. Untuk makluman, secara keseluruhannya, LPT2 telah menggantikan semula pagar yang rosak atau dicuri sepanjang lebih 170-kilometer sejak beberapa tahun lalu dengan kos kira-kira RM5 juta.

Selain daripada usaha mengganti dengan segera pagar-pagar yang telah dirosakkan, LPT2 juga telah membuat pelbagai penambahbaikan terhadap struktur pagar seperti memasang pagar bertapak konkrit, mengguna-semula bahan turapan jalan lama untuk mengukuhkan pagar, memasang kawat berduri (concertina wire) tambahan, menggali longkang, memasang 'cattle trap' di laluan pintu penyelenggaraan, memasang pagar berganda (double fencing) dan sebagainya.

Dari semasa ke semasa, LPT2 juga turut mengadakan operasi bersepadu bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), LLM, Polis serta Jabatan Perhilitan dan Veterinar untuk menangkap dan mengalihkan haiwan ternakan yang berkeliaran di lebuhraya. Bagi mendapatkan kerjasama penduduk sekitar, LPT2 juga secara berterusan mengadakan pelbagai program advokasi dalam mendidik komuniti setempat tentang impak tindakan memotong pagar lebuhraya terhadap keselamatan di lebuhraya.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Hasil daripada tindakan-tindakan yang proaktif ini, LPT2 berjaya mengurangkan jumlah kemalangan yang disebabkan oleh kehadiran haiwan ternakan di lebuhraya sebanyak 12% pada tahun 2020.

Pada masa yang sama, pihak Kementerian Kerja Raya dan LLM juga menggesa PBT serta agensi-agensi berkaitan menggiatkan lagi operasi serta pemantauan dengan syarikat konsesi berkenaan untuk menangkap haiwan-haiwan ternakan yang berkeliaran bagi memastikan keselamatan pengguna lebuhraya terjamin.

-TAMAT-

KEMENTERIAN KERJA RAYA

29 JANUARI 2021

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my